

# PERSEPSI PENGGIAT REKREASI TERHADAP AKTIVITI REKREASI LUAR YANG MENJADI KEUTAMAAN DI GUNUNG LEDANG, TAMAN NEGARA JOHOR

(Perception of Recreation Enthusiasts Towards Main Outdoor Activity in Gunung Ledang, Taman Negara Johor)

\* M.Adli Mohd Sidi<sup>1</sup>, Mohd Salleh Aman<sup>1</sup>, Wirdati Mohd Radzi<sup>1</sup>, Muhammad Syakir Sulaiman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Sukan  
Universiti Malaya  
51603 Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
43000 Kajang, Selangor.

\*Corresponding author's email: [syakir@kuis.edu.my](mailto:syakir@kuis.edu.my)

## Article History:

Submit: 10 April 2018

Accepted: 7 May 2018

Revised: 24 May 2018

Published: 30 June 2018

Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*

Vol. 2, No. 1 (2018), 1-9

## Abstrak

Kajian ini telah dijalankan untuk mengenalpasti aktiviti rekreasi luar yang menjadi keutamaan penggiat rekreasi luar di Taman Negara Johor, Gunung Ledang. Kajian ini menggunakan Borang Keutamaan Aktiviti Rekreasi Luar yang dibangunkan oleh Hanim & Shazali (2012), dan instrumen kajian ini juga telah diuji, kajian rintis dijalankan di Universiti Putra Malaysia dan nilai  $r=0.856$ . Borang ini telah diedarkan kepada responden secara rawak. Data yang diperolehi daripada kajian ini dianalisa menggunakan Perisian SPSS versi 17.0. Dapatan kajian ini mendapati pengunjung di Taman Negara Johor, Gunung Ledang lebih cenderung untuk memilih aktiviti rekreasi luar seperti Berkelah, Berkhemah, Memanjat Gunung, Berkayak, Flying Fox dan Fotografi Alam Semulajadi. Untuk penambahbaikan, adalah lebih baik keutamaan aktiviti rekreasi luar yang telah dikenalpasti ini dapat ditambahbaik agar keutamaan aktiviti rekreasi luar yang lebih diminati penggiat rekreasi ini dapat ditawarkan oleh pihak pengurusan Gunung Ledang, Taman Negara Johor demi kepuasan penggiat rekreasi luar yang lebih baik dan mendapatkan pengalaman rekreasi luar yang lebih optimum.

**Kata Kunci:** Keutamaan, Aktiviti Rekreasi Luar, Taman Negara

## Abstract

*This research conducted to identify the priority of outdoor recreational activities for the outdoor recreational enthusiasts at Gunung Ledang, Johor National Park. This research used Priority of Outdoor Recreational Activities Form developed by Hanim & Shazali (2012) and this instrument had been tested for pilot study at Universiti of Putra Malaysia with  $r=0.856$ . This form distributed to the respondents by random sampling. The findings of this research were analyzed using the version 17.0 of Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Software. The findings shown that the outdoor recreational activities that prioritized by the outdoor recreational enthusiasts at Gunung Ledang are Picnicking, Camping, Mountain Hiking, Kayaking, Flying Fox and Nature Photography. As recommendation, a betterment of those outdoor recreational activities identified should be offered by the management of Gunung Ledang, Johor National Park for better satisfaction of the outdoor recreational enthusiasts in order to get the optimum outdoor recreational experiences.*

**Keywords:** Priority, Outdoor Recreational Activities, National Park

## 1.0 PENGENALAN

Keutamaan di dalam penglibatan adalah tunjang kepada perlibatan seseorang individu dan kesannya mereka sanggup memberikan masa dan tenaga terhadap keinginan keutamaan tersebut dengan melakukan sesuatu untuk mendapatkannya. Begitu juga di dalam penglibatan aktiviti rekreasi luar, sekiranya seseorang individu itu benar-benar meminati aktiviti rekreasi tersebut, mereka akan melapangkan masa untuk

merasai dan menikmati aktiviti rekreasi yang diminati. Walaupun lokasi aktiviti tersebut yang jauh dari pembangunan pesat kota dan perlu merintis cabaran dan halangan alam liar, namun demi minat dan kecenderungan terhadap aktiviti rekreasi tersebut, peminat aktiviti rekreasi luar tetap akan melibatkan diri demi kepuasan dan keperluan rekreasi individu.

Motivasi sebagai sesuatu yang kompleks, motivasi lahir daripada kekuatan dalaman yang berkait rapat dengan harapan, keinginan dan kesungguhan faktor dalaman itu untuk memberikan kekuatan kepada individu untuk bersungguh mendapatkannya (Maslow & Webb, 2013). Beliau juga menganggap, individu akan terus bermotivasi oleh kerana sesuatu matlamat. Matlamat ini dianggap sebagai keperluan yang perlu dipenuhi oleh semua manusia tanpa mengambil kira budaya, persekitaran dan perbezaan tahap generasi. Dengan matlamat ini, menjadi dorongan dan keinginan bagi seseorang individu melibatkan diri di dalam aktiviti yang diminati. Ini merujuk kepada keinginan di dalam penglibatan aktiviti rekreasi luar yang diminati yang memberikan kepuasan pengalaman rekreasi kepada pengunjung di Gunung Ledang, Taman Negara Johor.

Secara tradisinya, definisi rekreasi pula dinyatakan sebagai dalam bentuk aktiviti seseorang yang dilakukan secara sukarela tanpa paksaan ketika masa lapang atau masa senggang (Hamid, Ahmad, & Awang, 2016). Penglibatan di dalam aktiviti rekreasi ini adalah untuk mengisi masa lapang ataupun dalam terma rekreasi ianya melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah ketika waktu senggang. Rekreasi memberikan pelbagai impak positif kepada individu dan komuniti. Ramai penggemar rekreasi terdiri daripada pelbagai golongan lapisan masyarakat yang mula melibatkan diri di dalam pelbagai kegiatan aktiviti rekreasi luar untuk mendapatkan pengalaman berekreasi dan juga memenuhi keperluan rekreasi setiap individu. Tidak dinafikan, rekreasi luar adalah berkait rapat dengan pendidikan luar kerana melalui penglibatan aktiviti rekreasi luar, banyak nilai pembangunan individu diperolehi baik kepada individu mahupun kepada kesepaduan kumpulan.

Rekreasi luar adalah keseronokan masa lapang dengan penglibatan aktiviti luar yang melibatkan pengetahuan, penggunaan, dan penghargaan terhadap sumber alam semulajadi (Jenkins & Pigram, 2007). Lebih terperinci, definisi dan interpretasi rekreasi luar ialah penglibatan secara sukarela di dalam aktiviti pada masa lapang dan berlaku di kawasan luar yang melibatkan interaksi dengan sosial dan juga penglibatan secara langsung dengan persekitaran sumber alam semulajadi. Implikasi yang utama ialah kepuasan dan keseronokan dalam aktiviti rekreasi yang disertainya dan lebih bermotivasi di dalam menjalankan aktiviti tersebut.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Pemodenan dunia sekarang yang terutamanya di dalam pembangunan teknologi maklumat dan telekomunikasi telah memberikan kekangan kepada seseorang untuk melibatkan diri di dalam aktiviti rekreasi luar. Kemunculan pelbagai pembangunan gajet seperti telefon pintar, i-pad and komputer riba yang canggih untuk menghubungkan dengan talian internet untuk mendapatkan perisian seperti 'facebook, twitter, instagram' dan lainnya telah merampas masa dan gaya hidup sihat bagi sesetengah individu untuk melibatkan diri bergiat aktif dalam aktiviti rekreasi luar mahupun aktiviti fizikal.

Melalui penglibatan aktiviti rekreasi luar, memberikan kesan yang positif terhadap individu seperti menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan juga kecergasan (Noor & Mohamad, 2002). Melalui penglibatan pendidikan rekreasi luar, ia mampu meningkatkan daya tahan lasak, lebih cemerlang di dalam beroperasi dengan masyarakat (Taff, 2011). Ini jelas menunjukkan bahawa penglibatan aktiviti rekreasi luar mempunyai nilai positif terhadap individu mahupun kepada kumpulan yang melibatkan diri di dalam aktiviti ini.

Pada masa yang sama, kajian penyelidikan rekreasi luar ini kurang mendapat tumpuan di dalam penyelidikan akademik di Malaysia dan kajian akademik yang dijalankan amat terhad (Yahya & Maruthaveeran, 2012). Sedangkan aktiviti rekreasi alam liar ini menjadi tumpuan utama untuk sesi latihan kepimpinan, pembangunan sahsiah dan kesatuan kumpulan oleh organisasi korporat mahupun di dalam organisasi pendidikan untuk program induksi dan juga orientasi dan menjadi sebahagian teras di dalam organisasi. Walaubagaimanapun, kegagalan di dalam mendapatkan maklumat yang lengkap di dalam penawaran aktiviti rekreasi menjadi halangan utama di dalam menawarkan aktiviti rekreasi yang diminati dan penemuan baru adalah perlu di dalam menambahbaik kualiti pengurusan aktiviti rekreasi (Peyron, Harou, Niedzwiedz, & Stenger, 2002).

Aktiviti mendaki gunung semakin mengembang dan mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia (Johannis, 2016). Pada asasnya, aktiviti memanjat gunung sememangnya aktiviti utama di Taman Negara Johor Gunung Ledang dan ianya adalah fokus aktiviti rekreasi luar yang utama bagi pihak pengurusan Taman Negara Johor di Gunung Ledang. Walaubagaimapun, adalah lebih baik untuk mendapatkan maklumat daripada pengunjung agar keperluan rekreasi yang diminati oleh mereka dapat dipenuhi oleh pihak pengurusan dengan menawarkan kepelbagaian aktiviti rekreasi kepada pengunjung untuk kepuasan dan pengalaman rekreasi yang lebih optimum. Ini kerana, menerapkan pemahaman terhadap keperluan aktiviti rekreasi di kalangan pengurusan pentadbiran kawasan rekreasi adalah penting untuk lebih mempromosikan aktiviti ekopelancongan di kawasan terbabit (Choy & Lazim, 2017). Terbukti, rekreasi alam semulajadi mampu juga menjana pembangunan ekonomi, maka ia sangat berguna untuk pentadbir kawasan alam semulajadi untuk mencipta kepelbagaian penawaran aktiviti rekreasi di dalam menarik peminat pelancong (Shrestha, Stein, & Clark, 2007).

Terdapat dua teori yang sangat relevan dengan Pendidikan luar iaitu Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (Kolb, 1984). Aktiviti rekreasi luar memberi peluang kepada individu untuk membina sahsiah yang lebih baik setelah mereka melalui pengalaman melaksanakan aktiviti-aktiviti Rekreasi Di Gunung Ledang, Taman Negara Johor. Ini menjadikan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman sangat relevan dengan kajian ini. Melalui pendekatan teori ini pendekatan yang digunakan pakai hasil daripada perasaan yang diperolehi, penglihatan, pemikiran dan perbuatan daripada aktiviti rekreasi membolehkan seseorang individu mempelajari sesuatu hasil daripada aktiviti rekreasi. Teori gaya pembelajaran klob merupakan teori pendidikan dalam pelbagai peringkat pendidikan yang terkenal (Healey & Jenkins, 2000).

Hasil daripada pengalaman yang diperolehi individu boleh dipertingkatkan lagi dengan pelaksanaan proses refleksi ke atas pengalaman yang telah diperolehi daripada aktiviti yang dilakukan. Ini boleh dikaitkan dengan teori Kolb yang mana seseorang boleh membuat refleksi ketika memerhati, bertindak, merasai dan berfikir khusus melalui aktiviti rekreasi. Beliau mengemukakan konsep refleksi dalam tindakan dan refleksi atas tindakan (Schon, 1983). Sebagai contoh, ketika melakukan aktiviti rekreasi dengan jurulatih, seseorang sentiasa dinasihati untuk mematuhi peraturan agar aktiviti dapat dilaksanakan dengan selamat. Jika individu tersebut berfikir dan membuat refleksi bahawa mematuhi peraturan adalah satu tindakan yang baik dan menguntungkan, maka dia akan mengulangi tindakan tersebut dalam keadaan yang lain. Keadaan pengalaman ini perlu berlaku lebih banyak untuk menjadi satu tabiat (Ismail, Soaib, Shamsudin, & Shafie, 2014).

### 3.0 SOROTAN KAJIAN

Berdasarkan kajian luar negara yang dijalankan di Midwest University, Amerika Syarikat (Bentley, Page, & Macky, 2007), motivasi penglibatan rekreasi luar yang menjadi pilihan subjek di sana ialah Menikmati Alam semulajadi, Bergaul Dengan Masyarakat dan Melepaskan Tekanan. Pada masa yang sama, ketika menjalankan aktiviti rekreasi luar juga, seseorang itu akan lebih menghargai nilai persekitaran alam semulajadi di sekeliling mereka. Ini kerana, lazimnya aktiviti luar ini akan terdedah kepada alam semulajadi seperti hutan, air terjun, pantai, gunung, dan pelbagai sumber alam semulajadi yang dijadikan tempat untuk menjalankan aktiviti rekreasi luar. Program rekreasi luar ini mempunyai kepentingan yang tersendiri melalui penglibatan individu dalam aktiviti ini mampu melahirkan individu yang mempunyai lebih keyakinan diri, positif dan lebih kesempurnaan (Kraus, 2001).

Aktiviti rekreasi mempunyai pertalian dengan kualiti kehidupan seseorang termasuk meningkatkan fungsi fizikal, kesihatan yang baik, pengurusan stress, keseronokan dan pelbagai makna kepada individu (Clayne & Guthrie, 2006). Melalui aktiviti fizikal ini, seseorang individu dapat mengelak daripada pelbagai gangguan dan serangan penyakit, dapat melepaskan tekanan yang dihadapi dan mencapai tahap keseronokan yang tinggi dalam melakukan sesuatu aktiviti. Selain daripada itu, ia juga adalah pendidikan luar yang merangkumi pendekatan alternatif di dalam pendidikan sains mengajar dan belajar di dalam institusi pendidikan juga (Soh & Meerah, 2013).

Penglibatan seseorang dalam aktiviti fizikal ini dapat membentuk dan melahirkan seorang insan yang cergas fizikal dan minda yang cerdas. Fungsi kognitif individu dapat dipertingkatkan dengan menurunkan tahap kebimbangan dan kemurungan serta meningkatkan mood ke arah yang lebih positif melalui penglibatan aktiviti fizikal (Landers & Arent, 2007). Motif penglibatan dalam aktiviti fizikal juga dilihat adalah untuk mencapai kemenangan dan memperoleh populariti. Penglibatan seseorang dalam

aktiviti fizikal itu juga didorong oleh gabungan kepuasan dalaman dan dikaitkan dengan ganjaran luaran yang diperolehi (Plummer, 2009). Seseorang individu sanggup melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi luar yang mencabar adalah kerana kepuasan untuk menambahbaik kualiti, meningkatkan kemahiran, merasai aktiviti baru dan bersosial (Tangeland, Aas, & Odden, 2013).

Cabaran adalah perkara utama yang dihadapi oleh penggiat aktiviti rekreasi luar dalam menjalankan aktiviti ini. Ini adalah penting kerana penglibatan rekreasi luar memberikan pengalaman rekreasi yang menyeronokkan bahkan mampu memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai positif dan meningkatkan kualiti dan kemahiran individu dalam kehidupan untuk menempuhi ranjau kehidupan yang lebih mencabar (Barker & Roberts, 2004).

Penglibatan aktiviti rekreasi luar memberikan banyak faedah kepada individu yang aktif dan seronok melibatkan diri dalam aktiviti ini (Guthrie, 2001). Ia diklasifikasikan kepada empat kategori utama iaitu faedah personal, sosiobudaya, persekitaran dan pendidikan, dan ekonomi. Huraianya adalah seperti di bawah:

### **3.1 Faedah Personal**

Rekreasi luar juga menyumbang kepada faedah psikologi, spiritual, dan fizikal individu:

#### **1. Faedah Psikologi**

Melalui aktiviti melibatkan alam semulajadi ini, seseorang akan dapat belajar realiti asas dalam kehidupan dan akan belajar lebih dalam tentang diri sendiri. Alam semulajadi mampu menyelami dan meneroka ke dalam jiwa manusia. Tambahan lagi, seseorang itu memerlukan sentuhan psikologi untuk mendapatkan ketenangan, nilai ini terdapat di alam persekitaran semulajadi yang menggalakkan releksasi bagi individu.

#### **2. Faedah Spiritual**

Pada 1800, nilai spiritual terhadap alam persekitaran semulajadi merupakan elemen utama terhadap perlindungan dan konservasi keindahan alam semulajadi. Alam semulajadi memainkan peranan yang sangat penting di dalam memberi nilai spiritual terhadap seseorang

#### **3. Faedah Fizikal**

Cabaran dan halangan merupakan sebahagian penting di dalam kehidupan. Keindahan dan cabaran bukit bukau dan gunung ganang menjadikan cabaran untuk menjalankan program rekreasi seperti memanjat gunung, perkhemahan dan sebagainya. Melalui cabaran ini, seseorang itu mampu mencapai pelbagai faedah kepada individu seperti releksasi, kepuasan diri dan pengamalan gaya hidup sihat melalui penglibatan dalam aktiviti rekreasi luar.

### **3.2 Faedah Sosiobudaya**

#### **1. Faedah Sosial**

Manusia mempunyai keinginan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti secara bersama-sama untuk bermasyarakat dan perpaduan untuk komuniti. Kesatuan dan keriangian di dalam perhubungan dengan rakan, keluarga dan komuniti ini akan menyumbang kepada keutuhan sosial dan mengeratkan perhubungan.

#### **2. Faedah Kebudayaan**

Kebudayaan tidak terbatas sekadar bahasa, kesenian dan sejarah, ia merangkumi juga cara pemikiran, aktiviti kesenggangan atau masa lapang, dan sebagainya. Rekreasi luar juga mempunyai peranan di dalam perkembangan warisan kebudayaan melalui ahli artistik seperti penggubah lagu atau pencipta lirik yang mengasingkan diri daripada kesibukan kota untuk penghasilan idea bernas dalam penghasilan produk seni dan kebudayaan yang berkualiti di tengah keindahan alam semulajadi.

### **3.3 Faedah Persekitaran dan Pendidikan**

Pendidikan tidak terbatas di dalam bilik kuliah universiti, ia akan mewujudkan tekanan dan mengundang kebosanan. Kaedah pembelajaran luar ataupun kokurikulum ini mampu membina pembangunan sahsiah dan jatidiri pelajar dengan pelbagai kemahiran. Pendidikan luar memberikan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran dan penyampaian ilmu dan secara tidak langsung menggalakkan untuk menghargai alam sekitar.

### 3.4 Faedah Ekonomi

Rekreasi luar memberikan impak ekonomi dan penyumbang kepada pendapatan ekonomi di dalam sektor pelancongan dan aktiviti rekreasi. Selain itu, menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Aktiviti perkhemahan merupakan pilihan utama peminat rekreasi luar yang cintakan aktiviti rekreasi luar di dalam kawasan alam liar. Perkhemahan pendidikan luar ini memupuk semangat *ecocentric*, iaitu ianya berperanan mengubah sikap dan tingkahlaku peserta terhadap alam sekitar (YASIM, 2016). Pada masa yang sama, perkhemahan rekreasi luar juga memupuk semangat kerja berpasukan yang lebih baik. Pembangunan kemahiran kerja berpasukan juga mampu diperolehi daripada aktiviti perkhemahan yang mana ia adalah aktiviti rekreasi luar yang menarik (Kusin & Esa, 2014). Tidak dinafikan, penglibatan rekreasi luar terutamanya di dalam perkhemahan berkumpulan, ia mampu memupuk kesepaduan kumpulan di kalangan ahli kumpulan yang terlibat. Melalui aktiviti perkhemahan pendidikan luar juga memberi kesan positif terhadap kesepaduan kumpulan (Yasim *et al.*, 2007).

Selain perkhemahan, tidak dinafikan juga bahawa hutan adalah merupakan lokasi terbaik untuk menjalankan aktiviti kembara hutan iaitu aktiviti merentas denai hutan. Keindahan alam liar telah menarik minat pencinta alam semulajadi untuk melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi luar di hutan dengan menjalankan aktiviti penjelajahan hutan. Aktiviti perkhemahan rekreasi ini memberikan ketenangan dan kepuasan rekreasi kepada mereka. Peserta seronok menjalankan aktiviti kembara rekreasi seperti memanjat gunung dan kembara hutan adalah disebabkan oleh dorongan faktor persekitaran alam semulajadi yang menarik (Aziz, Ariffin, & Vien, 2009).

Ada juga yang menjalankan aktiviti perkelahan di dalam hutan terutamanya untuk hutan simpan yang mempunyai air terjun sebagai daya tarikan utama untuk pengunjung beraktiviti samaada aktiviti bersama rakan-rakan mahupun santai bersama keluarga. Asasnya, rekreasi hutan adalah didominasi oleh aktiviti perkelahan yang menjadi pilihan utama pengunjung rekreasi hutan (Amrein, Rusterholz, & Baur, 2005). Di kawasan hutan yang mempunyai sungai atau air terjun yang sesuai, berkayak juga merupakan tarikan utama bagi aktiviti rekreasi air untuk pengunjung. Bagi peminat aktiviti berkayak, berkayak memberikan kepuasan kepada individu dan bagi yang sukakan cabaran, ada juga yang melibatkan diri dalam kayak arus deras atau lebih dikenali dengan 'whitewater rafting'. Berkayak merupakan aktiviti terapi stress terbaik bagi peminat sukan rekreasi air (Khairunnisa, 2014).

Aktiviti bertali merupakan aktiviti mencabar yang memerlukan keyakinan diri yang tinggi. Aktiviti 'flying fox' adalah aktiviti rekreasi bertali yang ekstrim yang memerlukan keberanian peserta. Selain cabaran aktiviti ini, ia juga memberikan kepuasan meluncur tali dengan melihat permandangan menarik daripada pandangan atas. Aktiviti luar seperti aktiviti tali tinggi atau 'high rope' beserta dengan ilmu dan kemahiran yang digabungkan semasa beraktiviti, merupakan antara pendidikan bereksperimen yang bagus untuk pembangunan keyakinan individu (Iswoyo, Daryanto, & Nugroho, 2017).

Terdapat juga peminat aktiviti rekreasi santai yang mana tiada penglibatan aktiviti lasak semasa melibatkan diri dalam kawasan rekreasi. Sebaliknya, hanya menjalankan aktiviti ringan seperti aktiviti fotografi alam semulajadi. Pengunjung mengambil gambar merupakan aktiviti yang sinonim ketika melancong, dan elemen semulajadi adalah faktor kepuasan bagi penggemar fotografi alam semulajadi dan ia adalah sebahagian hobi yang semakin diminati ramai (Speer, 2015).

## 4.0 KAEDAH

Kajian ini yang dilakukan terhadap pengunjung Taman Negara Johor, Gunung Ledang pada minggu pertama bulan February 2017. Borang soal selidik ini diedarkan kepada subjek sebelum mereka keluar berlepas untuk menjalani aktiviti memanjat gunung. Mereka terdiri daripada penggiat rekreasi tegar yang terdiri daripada lelaki dan perempuan.

Peserta kajian dikumpulkan dan diberi taklimat tentang objektif kajian ini dan penerangan terperinci diterangkan satu per satu untuk setiap bahagian bagi mengelakkan sebarang kekeliruan terhadap setiap aktiviti rekreasi luar yang dikemukakan di dalam Borang Soal Selidik ini. Pembentangan sekitar 10 minit untuk memberi taklimat dan menjawab soalan yang dikemukakan oleh subjek yang terdiri daripada pendaki tempatan dan juga antarabangsa.

## 5.0 INSTRUMEN KAJIAN

Borang Soal selidik daripada kajian lepas digunakan. Instrumen soal selidik ini dibangunkan untuk mengkaji motif penglibatan aktiviti rekreasi luar di Universiti Putra Malaysia (Nurul, 2012). Penggunaan dwi bahasa digunakan kerana menjangkakan kemungkinan terdapat juga respondens luar negara yang terlibat dalam kajian ini sebagai subjek kajian. Skala Likert 5 Mata digunakan untuk mengukur pembolehubah bersandar yang dikaji.

Instrumen ini terdapat pecahan untuk mendapatkan maklumat yang berbeza-beza daripada subjek. Pecahan Bahagian Borang Kajian Soal Selidik terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

- Bahagian A : Mendapatkan Latar Belakang dan Ciri Demografi Subjek  
Bahagian B : Mengkaji Jenis Aktiviti Rekreasi Luar Yang Diminati

Kajian rintis terhadap soal selidik ini telah dijalankan pada Februari 2012 ke atas pelajar Fakulti Perhutanan dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi di Universiti Putra Malaysia, Serdang. Keseluruhan 40 soal selidik telah diedarkan kepada subjek untuk kedua-dua fakulti untuk membezakan keutamaan penglibatan aktiviti rekreasi luar untuk keduanya. Daripada analisis menunjukkan, nilai  $r$  adalah 0.85 dan ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan untuk instrumen kajian ini adalah tinggi. Maka, dengan ini instrumen ini sesuai digunakan semula untuk responden kajian ini kerana objektif kajian yang serupa digunakan di dalam kajian ini.

Kajian ini adalah berbentuk diskriptif iaitu menganalisis data yang dikumpul menggunakan kaedah statistik asas kekerapan dan peratus untuk menjelaskan gambaran jumlah kekerapan setiap ciri pembolehubah yang dikaji. Data mentah yang dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan akan dipindahkan maklumat yang diperolehi tersebut untuk disimpan dan dianalisis. Perisian analisis yang paling rendah ralat di dalam kajian sains sosial adalah menggunakan pakej Perisian SPSS (Statistical Package for Social Science), versi 17.0. Data yang dimasukkan di dalam perisian ini dianalisis dengan menggunakan dua kaedah iaitu Analisis Diskriptif dan Ujian T.

## 6.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada jumlah keseluruhan subjek yang terlibat, 86 orang respondent yang terdiri daripada pengunjung lelaki 43 orang iaitu 50%, manakala pengunjung wanita juga adalah sebanyak iaitu 43 orang juga 50% daripada jumlah keseluruhan. Umur subjek yang terlibat di dalam kajian ini adalah sekitar 20 tahun sehingga 39 tahun. Kepelbagaian bangsa yang terlibat di dalam kajian ini, walaubagaimanapun, kajian ini lebih terarah kepada bangsa tempatan iaitu Melayu (56%), Cina (12%), India (18%) dan hanya segelintir sahaja melibatkan pengunjung luar negara (14%) sepertimana di Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Bangsa yang terlibat dalam kajian

No.	Bangsa	Peratus (%)
1.	Melayu	56
2.	India	18
3.	Cina	12
4.	Pengunjung Luar Negara	14

Jadual 3 di bawah pula menunjukkan perbezaan min di antara jantina terhadap aktiviti rekreasi luar yang paling diminati dan juga perbezaan signifikan yang dinyatakan dalam bentuk Nilai P. Berdasarkan 12 jenis aktiviti rekreasi luar yang dikaji, 6 elemen soalan yang dikaji adalah signifikan dengan menunjukkan nilai P kurang daripada 0.05 iaitu Fotografi Alam Semulajadi ( $P = .049$ ), Berkelah ( $P = .002$ ), Berkayak ( $P = .038$ ), Berkhemah ( $P = .001$ ), Flying Fox ( $P = .012$ ) dan Memanjat Gunung ( $P = .035$ ).

Jadual 3: Perbezaan Min berdasarkan jantina terhadap aktiviti rekreasi luar yang paling diminati berserta Nilai P yang diperolehi daripada analisis.

No.	Aktiviti Rekreasi Luar Yang Paling Diminati	Lelaki	Wanita	Nilai P
1.	Fotografi Alam Semulajadi	4.21	2.75	.049
2.	Memancing	3.20	3.48	.085
3.	Berkelah	4.08	3.47	.002

4.	Berkayak	3.98	3.61	.038
5.	Berkenu	3.50	3.81	.105
6.	Berkhemah	4.41	3.83	.001
7.	Jogging	3.63	3.68	.573
8.	Berkuda	3.86	3.95	.427
9.	Flying Fox	4.16	3.78	.012
10.	Berbasikal	3.78	4.25	.008
11.	Memanjat Dinding	3.60	3.76	.378
12.	Memanjat Gunung	4.28	3.86	.035

Berdasarkan dapatan analisis, hanya 6 sahaja aktiviti rekreasi luar yang signifikan dan diberi keutamaan oleh penggiat rekreasi di Gunung Ledang, Taman Negara Johor yang mempunyai nilai signifikan dan aktivitiya adalah seperti berikut:

### **1. Fotografi Alam Semulajadi**

Keputusan menunjukkan bahawa aktiviti fotografi alam semulajadi ini menjadi pilihan bagi pengunjung wanita adalah ( $m=2.75$ ) dan pengunjung lelaki adalah ( $m=4.21$ ) dan ianya signifikan dengan nilai  $p=0.049$ . Ini menunjukkan pengunjung lelaki adalah lebih meminati aktiviti ini berbanding pengunjung wanita dan perbezaan ini adalah ketara.

### **2. Berkelah**

Keputusan menunjukkan bahawa aktiviti berkelah ini menjadi pilihan bagi pengunjung wanita ( $m=3.47$ ) dan pengunjung lelaki adalah ( $m=4.08$ ) dan ianya signifikan dengan nilai  $p=0.002$ . Ini menunjukkan pengunjung lelaki adalah lebih meminati aktiviti ini berbanding pengunjung wanita. Aktiviti ini juga menjadi pilihan ramai pengunjung.

### **3. Berkayak**

Keputusan menunjukkan bahawa aktiviti berkayak ini menjadi pilihan bagi pengunjung wanita ( $m=3.61$ ) dan pengunjung lelaki ( $m=3.98$ ) dan ianya signifikan dengan nilai  $p=0.038$ . Perbezaan min tidak terlalu ketara dan aktiviti ini juga diminati ramai.

### **4. Berkhemah**

Keputusan menunjukkan bahawa aktiviti berkhemah ini menjadi pilihan bagi pengunjung wanita adalah ( $m=3.83$ ) dan pengunjung lelaki adalah ( $m=4.41$ ) dan ianya signifikan dengan nilai  $p=0.001$ . Ini menunjukkan pengunjung lelaki adalah lebih meminati aktiviti ini berbanding pengunjung perempuan. Aktiviti ini memupuk semangat bersosial dan menghargai alam semulajadi.

### **5. Flying Fox**

Keputusan menunjukkan bahawa aktiviti *flying fox* ini menjadi pilihan bagi pengunjung wanita adalah ( $m=3.78$ ) dan pengunjung lelaki adalah ( $m=4.16$ ) dan ianya signifikan dengan nilai  $p=0.012$ . Ini menunjukkan pengunjung lelaki adalah lebih meminati aktiviti ini berbanding pengunjung wanita. Aktiviti ini sesuai untuk mereka yang inginkan cabaran dan pengalaman baru dengan permainan tali tinggi.

### **6. Mendaki Gunung**

Keputusan menunjukkan bahawa aktiviti ini menjadi pilihan bagi pengunjung wanita adalah ( $m=3.86$ ) dan pengunjung lelaki ( $m=4.28$ ) dan ianya signifikan dengan nilai  $p=0.038$ . Ini menunjukkan pengunjung lelaki adalah lebih meminati aktiviti ini berbanding pengunjung wanita. Aktiviti ini sesuai untuk mereka yang inginkan cabaran dan pengalaman baru mendaki di alam liar.

## **7.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti aktiviti rekreasi luar yang paling diminati antara di kalangan penggiat rekreasi di Gunung Ledang, Taman Negara Johor. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, penggiat rekreasi bagi lelaki di Gunung Ledang, Taman Negara Johor mereka lebih meminati aktiviti rekreasi luar seperti berkhemah, memanjat gunung, fotografi alam semulajadi, berkelah dan

berkayak. Manakala bagi penggiat rekreasi wanita mereka lebih meminati berbasikal, berkuda, memanjat gunung, berkhemah dan berkayak. Walaubagaimanapun, secara keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti rekreasi yang signifikan dan mendapat kebolehpercayaan tinggi yang menjadi keutamaan penggiat rekreasi di Gunung Ledang, Taman Negara Johor ialah berkhemah, memanjat gunung, berkelah, berkayak, *flying fox* dan fotografi alam semulajadi.

Setiap elemen aktiviti Rekreasi Luar yang dikaji, menunjukkan nilai 'Setuju' yang tinggi bagi setiap elemen ini daripada penggiat rekreasi di Gunung Ledang, Taman Negara Johor. Walaubagaimanapun, nilai yang lebih tinggi juga ditunjukkan oleh penggiat rekreasi lelaki berbanding wanita terhadap aktiviti rekreasi luar yang dikaji. Ini menunjukkan penggiat rekreasi lelaki lebih bermotivasi dalam melibatkan diri dalam rekreasi luar dan juga lebih meminati aktiviti rekreasi luar berbanding penggiat rekreasi wanita di sini.

Untuk penambakan dan selain daripada aktiviti memanjat gunung di Gunung Ledang, aktiviti rekreasi luar seperti berkayak, flying fox, berkhemah dan fotografi alam semulajadi perlu menjadi sasaran utama yang perlu diberi keutamaan oleh pihak pengurusan agar kepuasan dan pengalaman rekreasi yang optima kepada pengunjung dapat ditawarkan di Gunung Ledang, Taman Negara Johor.

## 8.0 PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan, Universiti Malaya melalui Dana Penyelidikan Pasca Siswazah (PPP) PG256-2016A, dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penyelidikan ini.

## 9.0 RUJUKAN

- Amrein, D., Rusterholz, H.-P., & Baur, B. (2005). Disturbance of suburban Fagus forests by recreational activities: Effects on soil characteristics, above-ground vegetation and seed bank. *Applied Vegetation Science*, 8(2), 175-182.
- Aziz, N. A., Ariffin, A. A. M., & Vien, T. W. (2009). Kajian awalan ke atas potensi pelancongan kembaraan dalam pasaran remaja di Malaysia. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 29.
- Barker, N. H. L., & Roberts, C. M. (2004). Scuba diver behaviour and the management of diving impacts on coral reefs. *Biological Conservation*, 120(4), 481-489. doi:10.1016/j.biocon.2004.03.021
- Bentley, T. A., Page, S. J., & Macky, K. A. (2007). Adventure tourism and adventure sports injury: The New Zealand experience. *Appl Ergon*, 38(6), 791-796. doi:10.1016/j.apergo.2006.10.007
- Choy, E. A., & Lazim, N. B. M. (2017). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang (Levels of ecotourism understanding among members of the local community of Pahang's Lata Jarum, Malaysia). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2).
- Clayne, R., & Guthrie, S. (2006). *Outdoor recreation in America* (6 ed.). United States: Human Kinetics.
- Guthrie, S. (2001). The profession of adventure education leadership. *Journal of Experiential Education*, 24(3), 132-135.
- Hamid, N. H., Ahmad, A. R., & Awang, M. M. (2016). *Pengaruh Aktiviti Masa Senggang Dalam Memperkasaan Modal Insan Dan Meningkatkan Kualiti Hidup Belia*. Paper presented at the Proceeding 7th International Seminar on Regional Education.
- Healey, M., & Jenkins, A. (2000). Kolb's experiential learning theory and its application in geography of higher education. *Journal of Geography*, 99, 185-195.
- Ismail, M., Soaib, A., Shamsudin, A., & Shafie, M., Daud. . (2014). Mentor's role in human teacher development program *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 31-40.
- Iswoyo, A., Daryanto, D., & Nugroho, W. (2017). Managerial and Behavior Education and Training Business Development through Experiential Learning Method. *Asian Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 2(01), 1-12.
- Jenkins, J., & Pigram, J. (2007). *Outdoor Recreation Management*: Taylor & Francis.
- Johannis, N. J. (2016). *Kajian Retrospektif Insiden Pergunungan Di Malaysia*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Khairunnisa, K. (2014). Aktiviti berkayak terapi STRES terbaik-Khairunnisa Kadir: Grup Digital Karangraf.
- Kolb, D., A. . (1984). *Experiential Learning* New Jersey: United States

- Kraus, R. (2001). *Recreation & Leisure in modern society* (6th ed.). Boston: Jones & Bartlett
- Kusin, S. A., & Esa, A. (2014). Pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi aktiviti perkhemahan dalam kalangan ahli kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Landers, D. M., & Arent, S. M. (2007). Physical activity and mental health. *Handbook of sport psychology*, 2, 740-765.
- Maslow, A., & Webb, D. (2013). *A Theory of Human Motivation*. CreateSpace Independent Publishing Platform.
- Noor, M. A. M., & Mohamad, S. S. (2002). Faktor Di Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Ke Atas Penglibatan Para Pelajar Terhadap Aktiviti Pendidikan Luar-Satu Kajian Kes. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Nurul, H., Z., . (2012). *Visitors motive for outdoor recreation participation among undergraduate students at Universiti Putra Malaysia* (Bac. Forestry Science ), Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor
- Peyron, J.-L., Harou, P., Niedzwiedz, A., & Stenger, A. (2002). National survey on demand for recreation in French forests.
- Plummer, R. (2009). *Outdoor Recreation: An Introduction*. Routledge.
- Schon, A. (1983). *Reflective practitioner: How professional think in action*. New York: John Smyth Deakin University
- Shrestha, R. K., Stein, T. V., & Clark, J. (2007). Valuing nature-based recreation in public natural areas of the Apalachicola River region, Florida. *J Environ Manage*, 85(4), 977-985.
- Soh, T. M. T., & Meerah, T. S. M. (2013). Outdoor education: An alternative approach in teaching and learning science. *Asian Social Science*, 9(16), 1.
- Speer, J. H. (2015). *The Appalachian Photographs of Earl Palmer*. University Press of Kentucky.
- Taff, M. A. M. (2011). Kerelevanan Pendidikan Luar Dalam Sistem Pendidikan Tinggi Di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 3(1), 11-27.
- Tangeland, T., Aas, Ø., & Odden, A. (2013). The Socio-Demographic Influence on Participation in Outdoor Recreation Activities – Implications for the Norwegian Domestic Market for Nature-Based Tourism. *Scandinavian Journal of Hospitality & Tourism*, 13(3), 190-207. doi:10.1080/15022250.2013.819171
- Yahya, N., & Maruthaveeran, S. (2012). Recreation within the forest ambience *Australian Park & Leisure*, 15(2), 30-31.
- Yasim<sup>1</sup>, M. M., Taff<sup>1</sup>, M. A. M., Zakaria<sup>1</sup>, J., Dasril<sup>1</sup>, B., Hassan, S., & Idris<sup>1</sup>, U. P. S. (2007). *Perkhemahan Pendidikan Luar Sebagai Agen Pemupukan Semangat Ecocentric*. Paper presented at the Paper presented at Seminar Kebangsaan Geografi UPSI.
- Yasim, M. B. M. (2016). *Effects Of Outdoor Education On Group Cohesion Among Second Year Undergraduate Teacher Trainees From Selected Teacher Education Institutes In Malaysia*. School of Graduate Studies, Universiti Putra.